

# Tanya Cikgu Naim



## SOALAN

Apakah bezanya antara sifat dengan sikap?

Oleh: Hafiz Abdul Nasir, Darjah 6, Sekolah Rendah Geylang Methodist

## JAWAPAN

Kita sering menemui soalan kefahaman yang mengandungi kekata sifat dan sikap. Contohnya:

- Berikan tiga *sifat* watak Firdaus?
- *Sikap* Firdaus patut dicontohi. Mengapakah kita berkata begitu?
- Walaupun *sifat* nya tidak sempurna, Cikgu Halim menyuruh kami mencontohi *sikap* Firdaus. Berikan tiga *sikap* Firdaus yang patut kita contohi?

Daripada ayat tanya tersebut, nyatalah **sifat dan sikap** mempunyai perbezaan. **Sifat** biasanya merujuk kepada keadaan fizikal seseorang dan jika terdapat kekurangan sifat biasa yang dianugerahi Tuhan dianggap cacat anggota. Sekadar contoh, perkataan yang berhuruf condong dalam ayat berikut membawa maksud sifat:

- Walaupun *buta*, dia masih berupaya mencari nafkah untuk keluarganya.
- Wanita *gemuk* itu pelakon iklan.
- Budak yang *kudung* tangannya itu mahir bermain bola sepak.
- Lelaki *bisu* itu menyampaikan keinginannya menerusi bahasa isyarat.

Selain itu, sifat juga boleh menerangkan perawakan, kelakuan atau tindakan seseorang yang positif, mahupun negatif.

- Budak yang *berani* itu diberi pingat oleh polis.
- Murid yang *pintar* itu selalu dipuji guru.
- Wanita *cantik* itu menjadi peragawati di butik tersebut.
- Pemuda *tampar* itu bercita-cita menjadi pegawai polis.

**Sikap** pula merujuk kepada amalan dan tabiat seseorang. Jika amalannya bertentangan dengan amalan kebanyakan orang, maka sikapnya dianggap buruk. Sekadar contoh, perkataan yang berhuruf condong dalam ayat berikut membawa maksud sikap:

- Orang mempercayainya kerana sikapnya yang **amanah** itu.
- Oleh sebab **malas**, dia selalu dimarahi ayah ibunya.
- Budak yang **pemboros** itu dinasihati ayahnya.
- Budak yang **pengotor** itu dijauhi kawan-kawannya.